

SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED ISI JAGUNG LERAI
(REF : PIAWAIAN MALAYSIA MS : 1229 : 1991)

SKOP

Spesifikasi piawaian dan gred ini akan meliputi isi jagung lerai segar atau nama botaninya *Zea mays* L. dari varieti Taiwan Supersweet, U.S. Supersweet dan Thai Supersweet yang dipasarkan sebagai jagung lerai tergolong dalam keluarga Gramineae

DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

2.1 Kernel – Isi jagung yang berwarna kuning oren dan berisi padat.

2.2 Kematangan :

2.2.1 Belum matang.

Jagung yang dituai kurang daripada 60 hari selepas ditanam. Isi jagung diperingkat ovul, kurang padat, kurang berjus dan mudah rosak apabila di leraikan.

2.3.2 Matang.

Jagung yang dituai antara 60 hingga 63 hari selepas ditanam. Isi jagung diperingkat kernel, padat berisi, lebih berjus dan mudah dileraikan. Kandungan bahan pepejal larut antara 12.5 hingga 16.2 peratus.

2.4 Segar – *Kernel* (isi) jagung yang tegar, berkilat dan tidak kecut.

2.5 Penuh terisi – *Kernel* yang terbentuk penuh dan padat

2.6 *Kecacatan* – *Kernel* yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor dan cacat.

2.6.1 *Kotor* – *Kernel* yang terdapat kesan-kesan benda asing yang tidak dibersihkan seperti sarang serangga, tanah, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.

2.6.2 *Cacat – Kernel* yang tidak sempurna pembentukannya.

2.7 *Rosak* – Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh serangga perosak, penyakit, kecederaan mekanikal disebabkan pengendalian yang akan menjejaskan jangkahayat, pemakanan dan kualiti.

2.8 *Garispusat* – Ukuran terbesar kernel jagung pada sudut 90 darjah garis lintang.

3. KEPERLUAN MINIMUM

3.1 Agak bebas daripada kerosakan disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.

3.2 Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.

3.3 Telah mencapai peringkat kematangan yang dikehendaki oleh pasaran.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1 Kernel dikelaskan kepada dua (2) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN (MAKSIMUM)
Premium	Jagung/kernel yang dituai kurang daripada 60 hari selepas ditanam. Isi jagung/kernel diperingkat ovul, kurang padat, kurang berjus dan mudah rosak apabila di leraikan.	Kematangan < 3 % Segar < 3 % Rosak ≤ 3% Kecacatan ≤ 3% Keseragaman saiz ≤ 5%
1	Jagung/kernel yang dituai antara 60 hingga 63 hari selepas ditanam. Isi jagung/kernel diperingkat kernel, padat, berisi padat, berjus dan mudah dileraikan. Kandungan bahan pepejal larut antara 12.5 hingga 16.2 peratus.	Kematangan < 3 % Segar < 3 % Rosak ≤ 3% Kecacatan ≤ 5% Keseragaman saiz ≤ 10%

4.2 Bagi kernel, saiz ditentukan dalam unit diameter (lubang) cm sepertimana jadual berikut:-

SAIZ	DIAMETER LUBANG (CM)
BESAR (EKSPORT) KECIL (TEMPATAN)	0.75 cm
ATAU	ATAU
BERAT/TENGGELAM RINGAN/ TIMBUL	GRED MENGGUNAKAN AIR UNTUK MERENDAM

PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

5.1.1 Kernel daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan plastik yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optima daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 2 kg

5.2 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh:
- 5.2.2 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod pengeksport/ Kod pengimport
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred



6 PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of Sampling For Fresh Vegetables”, atau kaedah statistik yang dipersetujui

DEFINASI VISUAL SPESIFIKASI KUALITI JAGUNG MANIS

INDEKS KEMATANGAN

Kematangan - Terdiri daripada dua (2) indeks warna seperti berikut:

	<p><i>Indeks 1</i> - Belum matang.</p> <p>Jagung/kernel yang dituai kurang daripada 60 hari selepas ditanam. Isi jagung/kernel diperingkat ovul, kurang padat, kurang berjus dan mudah rosak apabila di leraikan.</p>
	<p><i>Indeks 2</i> – Matang.</p> <p>Jagung/kernel yang dituai antara 60 hingga 63 hari selepas ditanam. Isi jagung/kernel diperingkat kernel, padat, berisi padat, berjus dan mudah dileraikan. Kandungan bahan pepejal larut antara 12.5 hingga 16.2 peratus.</p>

- **ROSAK**

Isi Jagung yang mempunyai kecederaan akibat kesan berikut akan menjejaskan kualiti, jangka hayat simpanan, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti pasaran;

	<p>Tongkol jagung dibiarkan lama menyebabkan kernel masih melekat pada empulur</p>
	<p>Kesan kernel rosak akibat terlewat potong</p>
	<p>Bentuk bentuk atau kecut kernel yang tidak seragam.</p>
	<p>Rosak semasa proses pengendalian pengiraian kernel.</p>